

Natasha belum fikir sertai mana-mana kejohanan

ATLET lawan pedang wanita negara, Natasha Ezzra Abu Bakar belum mempunyai rancangan untuk menyertai mana-mana kejohanan tahun depan, lapor **MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH**.

Buat masa ini, Natasha, 26, lebih selesa menumpukan sepenuh perhatian kepada kehidupan baharu sebagai isteri selepas mendirikan rumah tangga dengan pemain bola sepak kelab Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS FC), Muhammad Faizat Mohd. Ghazli.

Pemenang pingat gangsa individu foil wanita pada Sukan SEA 2011 di Palembang, Indonesia itu juga mahu berehat sementara kerana baru sahaja menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Putra Malaysia.

“Sekarang belum ada apa-apa lagi perancangan untuk tahun depan. Sukan Asia 2018 di Jakarta dan Palembang, Indonesia (Ogos depan) pun belum pasti lagi walaupun ada dengar-dengar saya akan dihantar bertanding.

“Kalau boleh saya mahu berehat sekejap kerana baru habis belajar dan mendirikan rumah tangga pada 25 November lalu. Walaupun belum ada sebarang rancangan, namun saya tetap melakukan latihan sendiri,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Faizat, 23, menyertai PKNS FC musim depan selepas menyarung jersi Pulau Pinang selama dua musim dengan meledak dua gol daripada 36 penampilan.

Dalam perkembangan sama, Natasha melaungkan keyakinan untuk kembali memperagakan prestasi lebih bagus pada Sukan SEA 2019 di Filipina selepas kecewa sewaktu Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017), Ogos lalu.

Hasrat Natasha untuk meraih pingat emas individu foil pada KL2017 tidak kesampaian selepas tersingkir pada peringkat suku akhir apabila tewas 12-15 kepada atlet Filipina, Maxines Isabel Esteban.

NATASHA mahu menumpukan sepenuh perhatian kepada kehidupan baharu sebagai isteri selepas mendirikan rumah tangga dengan Faizat pada 25 November lalu.

